

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/4/2014

# Abdullah sedar dirinya diawasi NSA

UM-4/4/2014

REMBAU 3 April - Tun Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan beliau tidak terkejut tersenarai sebagai pemimpin dunia yang diawasi oleh Agensi Keselamatan Kebangsaan (NSA) Amerika Syarikat.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, tindakan NSA itu berkemungkinan mempunyai hubungan dengan permintaan untuk mengesyorkan projek di luar negara yang melibatkan sebuah negara Arab.

"Saya sudah lama menyedari tindakan mereka itu dan tidak terkejut, tetapi itu cerita lama ketika saya menjadi Perdana Menteri.

"Ada pihak meminta saya mengesyorkan projek dari sebuah negara yang dicurigai oleh Amerika Syarikat, maka saya juga diheret sekali," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas melawat Sekolah Tinggi Islam As-Sofa, Rembau di sini hari ini.

Abdullah mengulas dokumen rahsia yang didedahkan oleh akhbar Jerman, *Der Spiegel* yang mendakwa beliau berada dalam senarai teratas pemimpin dunia yang diawasi oleh NSA.

Yang turut hadir isterinya, Tun



**ABDULLAH Ahmad Badawi beramah mesra dengan pelajar-pelajar ketika mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Tinggi Islam As-Sofa di Rembau, Negeri Sembilan, semalam.** - UTUSAN/ABD RAZAK AID

Jeanne Abdullah; Ketua Hakim Dewan Undangan Negeri (ADUN) Negeri Sembilan, Datuk Syarie Negeri Sembilan, Datuk Kota, Datuk Dr. Awaluddin Said. Mohd. Shukor Sabudin dan Ahli Sementara itu, Abdullah me-

negaskan beliau tidak bimbang dengan tindakan NSA itu namun menganggapnya sebagai tidak

menghormati pemimpin negara.

"Itu dia punya hal (NSA) tetapi kenapa perlu buat tuduhan tidak tentu fasal.

"Jika mereka kawal senang sikit, saya pun selamat tidak lagi perlu bimbang," katanya.

Menurut laporan akhbar Jerman itu, senarai berkenaan dikumpulkan pada 2009 dan mengandungi 122 nama pemimpin dunia yang disusun mengikut abjad bermula dengan Abdullah dan berakhir dengan bekas Perdana Menteri Ukraine, Yulia Tymoshenko.

Pemimpin lain yang tersenarai termasuklah Canselor Jerman, Angela Merkel dan Perdana Menteri Syria, Bashar al-Assad.

Akhbar itu turut melaporkan, dokumen berkenaan tidak memberikan maklumat yang cukup untuk menentukan bentuk pengawasan manakala NSA pula tidak memberikan sebarang komen mengennainya.

Laporan *Der Spiegel* yang disiarkan pada Sabtu lalu itu menyatakan bekas ejen CIA, Edward Snowden adalah sumber kepada dokumen rahsia tersebut.